

BULETIN UTHM

Bil.6 Jun 2024 | ISSN 2232-0415



**UTHM universiti awam pertama miliki
Organisasi Latihan Juruterbang Kawalan Jauh,
dapat pengiktirafan CAAM**

ISSN 2232-0415



9 772232 041007



UTHM Johor



www.uthm.edu.my



Global Technopreneur
University 2030

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 UTHM universiti awam pertama miliki Organisasi Latihan Juruterbang Kawalan Jauh, dapat pengiktirafan CAAM
- 3 Lebih 10 ribu pengunjung hadir meriahkan Jom Masuk U 2024 Zon Selatan
- 5 Program Northern Outreach tingkat keterlihatan UTHM di utara tanah air
- 6 Pensyarah UTHM bangunkan sistem pemantauan banjir di Taman Negara Endau Rompin
- 9 UTHM dan Universitas Palembang jalin kerjasama rancakkan aktiviti pertukaran pelajar
- 10 FPTP pupuk kesedaran jaga kesihatan, kongsi cara aplikasikan ilmu statistik keberangalian dalam kehidupan
- 12 FKEE dan ABIM Batu Pahat sambut Aidiladha bersama komuniti Orang Asli
- 13 Dari Kampus ke Hutan: HIKE UP, PICK UP UTHM Menginspirasi Penjagaan Alam Sekitar
- 15 Kolej Kediaman Kampus Pagoh raih 'Juara Keseluruhan' SUKOL 2024
- 16 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Emy Johana Mohamad

SUB-EDITOR

Muhammad Zahir Ab'aziz
Suriyati Baharom

PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia





UTHM universiti awam pertama miliki Organisasi Latihan Juruterbang Kawalan Jauh, dapat pengiktirafan CAAM

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjadi universiti awam pertama memiliki Organisasi Latihan Juruterbang Kawalan Jauh (RPTO) setelah mendapat pengiktirafan daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

Sijil Kelulusan RPTO di bawah syarikat terbitan UTHM, Avitex Solution (M) Sdn. Bhd. itu telah diserahkan kepada Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim oleh Ketua Pegawai Eksekutif CAAM, Dato' Kapten Norazman Mahmud bertempat di ibu pejabat CAAM, Putrajaya pada 20 Jun 2024 lalu.

Hadir sama, Pengurus Bertanggungjawab RPTO, Prof. Madya Dr. Mohammad Zulafif Rahim, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Prof. Ts. Dr. Amir Khalid dan Pegawai-pegawai Kanan UTHM, CAAM dan pemegang jawatan-jawatan utama RPTO.

Menurut Dr. Zulafif, penerimaan sijil kelulusan tersebut membuka lembaran baharu kepada UTHM dalam membekalkan persijilan kompetensi berkaitan

dron yang diiktiraf CAAM bukan sahaja tertumpu kepada pelajar universiti, malahan kepada komuniti luar yang merangkumi industri, agensi kerajaan, badan-badan berkanun serta masyarakat umum.

"Pengoperasian di dalam persekitaran kampus utama UTHM di Batu Pahat ini memberi kelebihan kepada RPTO dalam memastikan program persijilan profesional dron dapat dijalankan di dalam suasana pembelajaran yang lebih kondusif.

"Mutu perkhidmatan yang diberikan juga setanding dengan program akademik di universiti yang mana ia disampaikan oleh tenaga pengajar dengan latar belakang bidang aeronautik," katanya.

Untuk rekod, sokongan CAAM kepada UTHM telah lama terjalin menerusi kewujudan komponen pelesenan dalam program akademik di bawah FKMP iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penerbangan Profesional) Dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penyenggaraan Pesawat Terbang) Dengan Kepujian.

Program-program tersebut menganugerahkan pelajar dengan ijazah sarjana muda berserta lesen profesional yang diiktiraf oleh CAAM.

Hubungan erat UTHM-CAAM dan penubuhan Syarikat Avitex Solution sebagai RPTO menunjukkan komitmen universiti dalam memperkukuh bidang tujuhnya serta membangunkan profesional TVET berkemahiran tinggi yang dapat memacu inovasi dan pertumbuhan dalam industri aeroangkasa Malaysia.

la sejajar dengan hasrat negara, Kementerian Pendidikan Tinggi dan universiti untuk memperkukuhkan tenaga kerja TVET menerusi persijilan profesional.

Melalui RPTO ini, UTHM tidak hanya menyediakan latihan teknikal dan persijilan profesional, malah juga menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam teknologi dron yang akan membuka peluang baharu dalam industri pengangkutan dan logistik, keselamatan serta pemantauan alam sekitar.

Tambah Dr. Zulafif, selaku syarikat terbitan UTHM, Avitex juga memainkan peranan penting dalam membekalkan servis khidmat nasihat pembangunan teknologi dron kepada industri, memberi perkhidmatan latihan dron profesional dan memberi perkhidmatan kepada komuniti menerusi pelbagai program bagi bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

“Penubuhan RPTO memberi peluang kepada Avitex untuk memberi komitmen penuh dalam menyokong ekosistem industri dron yang kini berkembang pesat di Malaysia.

“Pencapaian itu mencerminkan komitmen UTHM dalam memperkukuhkan industri pengangkutan di Malaysia, terutama dalam bidang penerbangan dan teknologi dron.

“Dengan kewujudan inisiatif ini, UTHM menyumbang kepada matlamat negara untuk menjadi peneraju dalam sektor teknologi maju,” tambah beliau.



AVITEX
AVIATION TECHNOLOGY EXPERT
S O L U T I O N

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA



Lebih 10 ribu pengunjung hadir meriahkan Jom Masuk U 2024 Zon Selatan

BATU PAHAT - Lebih 10 ribu pengunjung hadir memeriahkan program 'Jom Masuk U Zon Selatan' (JMU 2024) yang berlangsung pada 1 dan 2 Jun 2024 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein onn Malaysia (UTHM).

Mereka terdiri daripada pelajar sekolah, lepasan SPM dan STPM, ibu bapa, guru dan kaunselor sekitar negeri Johor yang ingin mendapatkan informasi terkini berkaitan maklumat kemasukan ke institusi pendidikan tinggi (IPT).

Penganjuran JMU 2024 merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang bertujuan mempromosi dan menyebarkan maklumat terkini mengenai peluang pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh IPT di bawah KPT merangkumi universiti awam (UA), institut pendidikan tinggi swasta (IPTS), politeknik, kolej komuniti dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) terpilih.

UTHM telah menyediakan lebih 70 reruai pameran melibatkan penyertaan universiti awam dan swasta serta pelbagai agensi awam/swasta dari seluruh negara, yang disertai dengan sesi konsultasi dan perkongsian informasi sepanjang dua hari program berlangsung.

Selain itu, pelbagai aktiviti menarik dihidangkan kepada pengunjung antaranya program 'YES! Rock The School' bersama TalentCorp, Bicara JMU: Hala Tuju Selepas SPM, Kerjaya GIG "Wajarkah Menjadi Pilihan" dengan penampilan istimewa penyanyi Najwa Latif serta "Sembang Santai JMU" bersama pengengaruh media sosial.

Turut diadakan, Showcase STEM, TVET dan Digital UTHM, Pameran Badan Beruniform, Persembahan Kesenian dan Kebudayaan, UTHM Campus Tour, Pertandingan Robotik dan Dron serta cabutan bertuah.

Sementara itu, majlis perasmian penutup yang diadakan pada 2 Jun telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor, Tuan Aznan Tamin.

Tuan Aznan dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada UTHM selaku tuan rumah JMU Zon Selatan kerana komited menyelaras dan menyediakan fasiliti yang terbaik untuk keselesaan pengunjung dan pempamer.

Beliau berharap penganjuran program seumpama itu di negeri Johor ini dapat menggalakkan lagi pelajar

lepasan sekolah untuk menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta.

Hadir sama, Naib Canselor UTHM, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Timbalan Pengarah Pendidikan Tinggi (Governan dan Pembangunan), Ahmad Rizal Adnan dan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Mohd Hanafi Samad.

Sementara itu, Naib Canselor pula berkata UTHM turut menyokong fokus utama KPT iaitu menyediakan bakat terbaik negara dengan memastikan graduannya bersedia untuk memasuki alam pekerjaan.

"Ini terbukti apabila UTHM berjaya mencapai jumlah kebolehpasaran graduan sebanyak 95.4% pada tahun 2023.

"Program latihan industri, kolaborasi dengan industri, serta kurikulum yang berorientasikan industri adalah antara usaha kami untuk memastikan graduan UTHM memiliki kelebihan kompetitif di pasaran pekerjaan.

"Selain menyediakan pelbagai kemudahan dan sokongan kepada para pelajar, UTHM menawarkan pelbagai bentuk bantuan kewangan termasuk pinjaman PTPTN, biasiswa dari pelbagai agensi, serta bantuan zakat untuk pelajar yang layak.

"Kami percaya bahawa tiada pelajar yang patut terhalang dari mencapai impian mereka hanya kerana kekangan kewangan," tambah beliau.





Program Northern Outreach tingkat keterlihatan UTHM di utara tanah air

BERTAM - Bagi memperkasa hubungan kerjasama alumni bersama industri serta memperluaskan lagi keterlihatan universiti di utara tanah air, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan Program Northern Outreach bertempat Bertam Resort, Pulau Pinang pada 29 Jun 2024.

Selain sebagai usaha mempromosi universiti, program anjuran Pusat Kemajuan kerjaya dan Alumni dengan kerjasama Pejabat Hubungan Industri dan Masyarakat, Pejabat Pemasaran dan Komunikasi korporat serta Yayasan UTHM itu diadakan bertujuan merapatkan lagi hubungan universiti dengan masyarakat dari seluruh pelosok negara dengan pelaksanaan aktiviti bermanfaat.

Naib Canselor, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim hadir menyempurnakan program tersebut sekali gus merasmikan Majlis Hi-Tea Bersama Alumni.

Beliau dalam ucapannya menyeru lebih 200 alumni yang hadir agar turut sama menyumbang tenaga, dana mahupun idea bagi memberi manfaat kepada warga UTHM sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

"Tahun ini, UTHM telah melahirkan seramai 59,937 alumni dan bilangan ini akan bertambah dari tahun ke tahun.

"Justeru itu, saya berharap kita semua dapat membawa kebersamaan kita dalam memperkenalkan UTHM, khususnya di bahagian utara tanah air ini, agar lebih ramai berpeluang untuk menjadi sebahagian daripada warga UTHM," katanya.

Pada majlis tersebut, Dato' Ruzairi turut melancarkan 'Northern Chapter' yang ditubuhkan khas untuk alumni bahagian utara berinteraksi dan melaksanakan

program kolaborasi yang bermanfaat untuk kedua-dua pihak.

Bagi meraikan kehadiran pengunjung, UTHM turut memberi nombor plat kenderaan kepada alumni yang hadir, selain mengadakan pameran pendidikan dan industri serta sesi cabutan bertuah.

Sementara itu, bagi mengeratkan hubungan universiti-komuniti, Yayasan UTHM pula telah melaksanakan Program Khidmat Sosial Korporat (CSR) Jelajah Utara, bertempat di Kampung Pajak Song, Bertam pada hari yang sama.

Pelbagai aktiviti bermanfaat telah dilaksanakan di kampung terbabit antaranya pertandingan memasak dan aktiviti merewang bersama penduduk kampung, pertandingan mewarna kanak-kanak dan pemeriksaan kesihatan percuma daripada Pusat Kesihatan Universiti.

Sebagai tanda prihatin kepada komuniti setempat, Yayasan UTHM turut memberi sumbangan wang tunai bernilai RM1,500 kepada sekolah terpilih sekitar negeri Pulau Pinang.





Pensyarah UTHM bangun sistem pemantauan banjir di Taman Negara Endau Rompin

SELAI – Bagi membantu menyelesaikan permasalahan komuniti, sekumpulan penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah membangunkan sistem pemantauan aras banjir secara masa nyata (*Live FloodWatch*) untuk diguna pakai oleh pihak Taman Negara Endau Rompin, Selai.

Sistem tersebut dibangunkan bertujuan membantu staf di Pejabat Taman Negara Endau Rompin memantau aras banjir dengan lebih berkesan dan bersempena sekali gus membantu mereka menyalurkan maklumat seawal mungkin kepada pengunjung dengan segera dan tepat.

Ini kerana Taman Negara Selai Bekok terkenal dengan aktiviti seperti aktiviti perkelahan dan perkhemahan, penjejakan ke air terjun serta penyelidikan.

Namun kejadian banjir berlaku setiap tahun yang berpunca dari kuantiti air yang melebihi had akibat hujan yang berterusan dari Sungai Selai.

Anak-anak sungai yang kecil dan sungai yang semakin cetek telah memberi cabaran kepada pihak berwajib memantau aras banjir kerana ketiadaan sistem pengesanan banjir secara automatik.

Kumpulan penyelidik tersebut terdiri daripada para pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), Pusat Pengajian Diploma (PPD), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB).



Live Floodwatch mampu memantau aras banjir secara masa nyata dengan mengaplikasikan teknologi internet benda (IoT), yang merupakan salah satu bidang kepakaran sedia ada di FKEE, UTHM.

Sistem itu dilengkapi dengan teknologi IoT yang menggunakan tenaga solar dan beberapa unit penerima serta kamera digit yang berupaya mengesan aras banjir, mengambil gambar banjir, mengukur kepanasan dan kekeringan kawasan di sekitar Sungai Selai secara masa nyata.

Antara kelebihan Live Floodwatch ialah menggunakan teknologi IR4.0, berteknologi hijau, penggunaan kuasa rendah, data dan kos penyelenggaraan yang rendah, liputan tanpa had, kebolehpercayaan yang tinggi dan mematuhi piawaian industri.

Pada peringkat awal, satu lawatan dan perbincangan dua pihak telah diadakan bertempat di pejabat Taman Negara Endau Rompin (Selai).

Dalam pertemuan itu, pihak Selai meminta pasukan UTHM membangunkan sistem pengesan banjir yang mudah diakses melalui tablet atau telefon pintar.

Data-data yang diperlukan termasuklah suhu, taburan hujan, kelembapan, lux meter data, amaran paras kenaikan air, bacaan kelajuan angin dan data kualiti air.

Penasihat projek, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin turut serta ke Lubuk Tapah iaitu lokasi yang telah dipilih untuk pemasangan Live Floodwatch.


Lokasi tersebut dipilih kerana terdapat bekalan elektrik, rangkaian syarikat telekomunikasi yang baik, ada ruang tapak untuk pemasangan nod pengesan dan kurang risiko gangguan monyet dan kecurian.




Perbincangan bersama di antara staf UTHM dan staf Taman Negara Endau Rompin (Selai)



Lawatan tapak untuk mengenalpasti lokasi penempatan sistem pengesan aras banjir



Imej dari kamera digital



Bacaan semasa paras air, suhu dan kelembapan semasa dan purata paras air



Keadaan aras air sungai di sekitar Lubuk Tapah

Satu sesi pembentangan bersama En. Taufik bin Bahar, Pengarah Perbadanan Taman Negara Johor, telah diadakan di bilik Mesyuarat Eksekutif, Perbadanan Taman Negara Johor, Nusajaya susulan daripada cadangan pemasangan *Live Floodwatch* di Taman Negara Endau Rompin (Selai).

Sesi lawatan tapak kali kedua diadakan untuk memutuskan lokasi pemasangan *Live Floodwatch*. Pada lawatan ini, beberapa ujian ringkas telah dijalankan, termasuk ujian kekuatan rangkaian sel dan penghantaran data ujian dari penerima ke pelayan di kawasan Lubuk Tapah.



PANDANGAN PENUH SISI KANAN



PANDANGAN HADAPAN



PANDANGAN SISI KIRI

Ilustrasi sistem pemantauan aras banjir

Kini pasukan ini sedang menyiapkan *Live Floodwatch* yang akan dipasang di lokasi yang dinyatakan dalam masa terdekat.



Penyusunan sistem: Sensor ultrasonic (kiri), unit RTU (kanan) dan unit paparan (bawah).

Berikut ialah senarai penyelidik yang terlibat:

- 1) Dr Shipun Anuar bin Hamzah
- 2) Prof Datuk Dr Mohd Noh bin Dalimin
- 3) Ts Mohamad bin Md Som
- 4) PM Dr Khairun Nidzam bin Ramli (Ketua Geran)
- 5) Dr Mohd Shamian bin Zainal
- 6) Ts Mohd Hamim bin Sanusi@lkshan
- 7) PM Dr Wahyu Mulyo Utomo
- 8) Dr Ansar bin Abd Jamil
- 9) Ts Azliy bin Yusop
- 10) Ts Maizul bin Ishak
- 11) Ts Azmi bin Siddek
- 12) Dr Norazizi bin Yusof
- 13) Dr Rahmat bin Talib



UTHM dan Universitas Palembang jalin kerjasama rancang aktiviti pertukaran pelajar

SUMATERA SELATAN - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjalinkan kerjasama dengan Universitas Palembang (UNPAL) bagi merancang lagi aktiviti pertukaran pelajar di peringkat antarabangsa.

Bagi mencapai hasrat kerjasama itu, satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan pada 11 Jun lalu bertempat di The Zuri Hotel of Palembang, Sumatera Selatan, Indonesia.

UTHM diwakili oleh Pengarah Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni (PKKA), Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Muhammad Saufi Kamarudin, manakala UNPAL diwakili Rektor, Dr. Ali Dahwir S.H.,M.H.

Hadir sama menyaksikan MoU tersebut, Ketua Jabatan Latihan Industri Pelajar, PKKA, Ir. Dr. Goh Wan Inn.

UTHM dan UNPAL bakal bekerjasama dalam aktiviti pertukaran pelajar dengan kaedah mobiliti berkredit sama ada inbound atau outbound.

Selain itu, jalinan kerjasama dua university ini juga sebagai usaha menarik pelajar UNPAL menyambung pengajian di UTHM sekali gus membantu meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa serta meningkatkan keterlihatan UTHM di persada antarabangsa.

UTHM pada masa yang sama turut menyertai persidangan antarabangsa "International Conference

on Agriculture, Engineering, Social Science and Education (ICAESSE) 2024 Universitas Palembang" yang diadakan pada 11 Jun 2024

Persidangan tersebut turut melibatkan penyertaan beberapa universiti lain seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universitas Sriwijaya (UNSRI), Universitas Muhammadiyah Surabaya, Himpunan Ahli Teknik Hidraulik Indonesia (HATHI) Cabang Sumatera Selatan, Universiti Brunei Darussalam, Eastern Visayas State University Philippines dan Universitas Bengkulu.

Manakala pada 12 Jun pula, delegasi UTHM juga turut mengambil bahagian menyampaikan syarahan umum kepada pelajar UNPAL.

"Pelaksanaan program dua hala seperti ini diharap dapat memberi manfaat kepada institusi terlibat sekali gus merancang lagi aktiviti universiti di peringkat antarabangsa," kata Dr. Saufi.





FPTP pupuk kesedaran jaga kesihatan, kongsi cara aplikasikan ilmu statistik keberangkalian dalam kehidupan

BATU PAHAT - Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus komited dalam memupuk kefahaman masyarakat dengan mengaplikasikan statistik keberangkalian bagi meningkatkan kesedaran kesihatan melalui integrasi teori dengan amalan dunia sebenar.

Jabatan Pengurusan dan Teknologi (JPT), FPTP bersama Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah menganjurkan program "Service Learning Malaysia-University for Society" (SULAM) yang bertemakan "Utilizing the Probability Statistics in Improving Health Awareness Among Community."

Program kendalian Kursus Pengurusan Statistik itu telah berlangsung di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM Puncak Alam, Selangor pada 5 Jun 2024 lalu.

Menurut Penyelaras dan Pengarah Program, Dr. Muhammad Ammar Shafi, mahasiswa dan komuniti setempat telah didedahkan berkaitan cara mengintegrasikan ilmu statistik keberangkalian dalam membuat keputusan sehari-hari termasuklah berkaitan penjagaan kesihatan di peringkat awal.

"Penganjuran program ini juga bertujuan untuk memupuk minat mahasiswa UTHM berkongsi hasil pembelajaran mereka di universiti kepada komuniti

luar, selain mewujudkan peluang untuk agensi, korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk menyumbang kepada komuniti melalui program kesukarelawan," katanya.

Tambah Dr. Ammar, program itu juga selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang mahu memperkasakan kurikulum mahasiswa universiti dengan memperkenalkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan khidmat komuniti.

Sementara itu, program SULAM tersebut telah sempurnakan oleh Timbalan Pengarah Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM, Profesor Dr. Ahmad Izuanuddin Ismail dan turut dihadiri Ketua Jabatan Pengurusan dan Teknologi, FPTP, Dr. Nor Kamariah Kamaruddin.

Program itu juga turut melibatkan penyertaan empat staf dari UTHM, enam staf dari HUiTM, 25 mahasiswa tahun satu Kursus Pengurusan Statistik dan sejumlah besar komuniti setempat yang berada di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM.

Sepanjang sesi lawatan ke Hospital Universiti Al-Sultan Abdullah, UiTM Puncak Alam, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan antaranya sesi perkongsian ilmu yang telah disampaikan oleh doktor-doktor pakar dalam klinikal.

Sesi perkongsian tersebut melibatkan topik seperti 'Introduction of Probability and Make the Decisions' yang disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Mohamad Rodi Isa, 'Application of Probability Statistics in Medical Decision' oleh Dr. Khairul Shafiq Ibrahim dan 'Application of Probability Statistics in Daily Life and How to Make the Right Decision' oleh Dr. Mohd Zhafran Zainal Abidin, selain diselang seli program bersama komuniti setempat.

"Pihak kami berharap pelaksanaan program SULAM ini dapat memberikan ruang kepada mahasiswa

untuk berinteraksi dengan komuniti sekali gus dapat menjalinkan kerjasama yang baik dengan agensi kerajaan.

"Semoga inisiatif seumpama ini dapat melahirkan mahasiswa universiti yang lebih peka dan peduli terhadap isu kemasyarakatan," katanya.





FKEE dan ABIM Batu Pahat sambut Aidiladha bersama komuniti Orang Asli

BATU PAHAT, 18 Jun 2024 – Hari Raya Aidiladha pada tahun ini bertambah bermakna kepada komuniti Kampung Orang Asli Desa Sri Banang, Minyak Beku apabila mereka berpeluang menyambutnya bersama staf dan para pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

FKEE telah berkerjasama dengan ABIM Batu Pahat menganjurkan **Program Ibadah Korban & Kempen Sumbangan Sekampit Beras (KSSB)** sempena berlangsungnya Karnival Peduli Komuniti (KAPKOM) 2024.

Antara aktiviti yang dilaksanakan, ibadah korban dengan menyembelih tiga ekor lembu, melapah daging korban dan memasaknya secara bergotong royong, Bengkel SMART Solat, Bengkel Keibubapaan Hikmah, Kursus Asas Sembelihan, sesi saringan 'Kanser Reproduksi', pemeriksaan kesihatan, pameran daripada agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) serta penyerahan sumbangan barangan keperluan harian kepada penduduk kampung.

Turut hadir sebagai sukarelawan, Dekan FKEE, Profesor Madya Ts. Dr. Asmarashid Ponniran dan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),

FKEE, Profesor Madya Ir. Dr. Nur Hanis Mohammad Radzi, yang juga pengarah program.

Dr. Asmarashid berkata selain dapat meraikan Aidiladha bersama komuniti orang asli, program itu dilihat mampu mengeratkan lagi hubungan persaudaraan sesama rakan kerjasama dan para sukarelawan yang terlibat.

"FKEE turut mengucapkan terima kasih kepada beberapa pihak lagi yang bekerjasama menjayakan program ini iaitu Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Batu Pahat, Kumpulan Pelajar Islam Johor Batu Pahat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Pejabat Agama Daerah Batu Pahat dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Batu Pahat," tambah beliau.

Sementara itu, Karnival KAPKOM tersebut telah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Batu Pahat, Tuan Haji Onn Abu Bakar yang merupakan penaja utama karnival.

Turut menaja penganjuran karnival itu, Syarikat Faiza Batu Pahat, Kedai Ain Evergreen, Kedai Runcit Sorlinaz dan Splus Cash & Carry.




Dari Kampus ke Hutan: HIKE UP, PICK UP UTHM Menginspirasi Penjagaan Alam Sekitar

KULAI, 1 JUN – Seramai 35 orang pelajar dari Kursus Kokurikulum Berkredit Khidmat Masyarakat Seksyen 3, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menjayakan program *Hike Up, Pick Up* untuk melestarikan matlamat yang termaktub dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) iaitu matlamat ke-4 (kualiti pendidikan) dan matlamat ke-15 (hidupan atas darat) bertempat di Taman Eko Rimba Gunung Pulai 1, Johor.

Program anjuran Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) bersama Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Rotary Club Batu Pahat dan Majlis Perbandaran Kulai (MPK) itu melibatkan seramai 35 pelajar UTHM, pengajar kursus, wakil dari setiap pihak kerjasama dan komuniti setempat.

Program ini turut dihadiri oleh Encik Donald Ong Choong Xin, *president elect* Rotary Club Batu Pahat selaku wakil pihak kerjasama dan penaja bagi program ini dan Encik Muhamad Zhafri Bin Farid @ Hashim, Penolong Pegawai Tadbir Majlis Perbandaran Kulai. Taklimat keselamatan program ini dibimbing oleh Encik Muhamad Rithauddin bin Rassid, Pengawas Hutan Kanan, Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan.

Sebanyak empat aktiviti yang dilakukan oleh pelajar iaitu mendaki sambil mengutip sampah, mengedar e-risalah kesedaran dan kepentingan memelihara dan memulihara hutan, menyusun batu sungai sebagai laluan lintasan pengunjung, serta membersihkan, mengecat dan menceriaikan bahagian



tarikan utama tugu Hutan Lipur Gunung Pulai 1 ini dalam tempoh masa 3 jam. Antara sisa buangan yang berjaya dikumpul termasuklah dari jenis seperti botol plastik, pembungkus makanan, lampin pakai buang dan lain-lain lagi.

Menurut pengarah program, Emmerich Rentap Anak Raymond, program itu memberi tumpuan pada melestarikan hutan simpan dengan memulihara hutan daripada pencemaran. Selain itu, ia juga untuk memupuk kesedaran terhadap kepentingan menjaga kebersihan hutan dan pendedahan kepada isu pencemaran alam kepada para pengunjung.

Katanya, ia juga akan dapat menanamkan kesedaran sivik dalam diri pelajar dan komuniti dalam menjaga kebersihan hutan di samping dapat beriadah melalui aktiviti yang dijalankan.

Menurut pengajar kursus, Khadijah Maulad Bahrol, program itu telah memberi pendedahan yang luas termasuk kesedaran terhadap kepentingan menjaga hutan simpan kepada pengunjung melalui edaran e-risalah yang telah disediakan oleh pelajar serta mencantikkan kawasan bagi menarik lebih ramai pengunjung datang.

“Matlamat kita adalah untuk memberi kesedaran penjagaan kebersihan dan keindahan hutan rekreasi selain mengamalkan gaya hidup sihat dan sentiasa bersedia untuk berkhidmat kepada masyarakat,” katanya.

Ditulis oleh:

Pelajar Kursus Khidmat Masyarakat Seksyen 3
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Disemak oleh:

Cik Khadijah Maulad Bahrol
Pengajar Kursus Khidmat Masyarakat Seksyen 3
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Email: sa00528@uthm.edu.my
No. Tel: 017-7558036





Kolej Kediaman Kampus Pagoh raih 'Juara Keseluruhan' SUKOL 2024

BATU PAHAT – Kolej Kediaman Kampus Pagoh (KKKP) berjaya meraih gelaran 'Juara Keseluruhan' Kejohanan Sukan Antara Kolej Kediaman (SUKOL) yang berlangsung pada 31 Mei hingga 01 Jun 2024 lalu dengan kutipan 14 pingat emas, sembilan perak dan 12 gangsa.

Manakala tempat kedua pula dimenangi oleh Kolej Kediaman Dalam Kampus (KKDK) dengan kutipan 13 pingat emas, 10 perak dan 12 gangsa.

Sementara itu, Kolej Kediaman Luar Kampus (KKLK) pula berjaya memenangi tempat ketiga kejohanan dengan 10 pingat emas, 18 perak dan 13 gangsa.

Kejohanan anjuran bersama Pusat Sukan Universiti (PSU) dan KKDK pada edisi kali ini mempertandingkan lapan acara iaitu Bola Baling, Petanque, Renang, Ping Pong, Aerodance, Catur, Olahraga dan Futsal.

Majlis Perasmian SUKOL 2024 disempurnakan oleh Sr. Dr. Anuar Mohd Salleh, Menjalankan Tugas Pengarah PSU selaku wakil rasmi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang berlangsung pada 31 Mei 2024 bertempat di Big Stage, Aras 2, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, kampus induk.

Manakala majlis penutup yang diadakan pada 1 Jun lalu turut dihadiri oleh Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Profesor Madya Dr. Afandi Ahmad.

Kira-kira 450 orang atlet dari tiga kolej kediaman UTHM menyertai pertandingan pada edisi kali ini.

Penganjuran SUKOL merupakan salah satu inisiatif mencari bakat baharu dalam kalangan pelajar UTHM bagi menyertai sukan anjuran MASUM dan KPT akan datang.

PSU mewakili UTHM mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dan berharap penganjuran pertandingan sukan dalaman seperti itu dapat diteruskan seiring dengan tujuan menggilap potensi dan bakat baharu dalam arena sukan, selain memupuk budaya bersukan dalam kalangan warga universiti.



SARJANA MUDA SAINS

Analitik Data Komputasi

Dengan Kejujian

Penawaran program Sarjana Muda Sains (Analitik Data Komputasi) dengan Kejujian secara 2u2i ini adalah bagi menyahut cabaran pengajian tinggi negara, iaitu untuk menghasilkan graduan holistik, dan bercirikan keusahawanan dan seimbang (Lonjakan 1, PPPM) di mana graduan yang akan dihasilkan berpadanan antara penawaran majikan berikutan kurikulum yang dibangunkan adalah berdasarkan kepada keperluan industri semasa. Inisiatif yang dibuat adalah dengan menambahbaik pengalaman pembelajaran pelajar dengan memperluas kolaborasi industri dalam merangka kurikulum dan melaksanakan program, meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan pekerjaan (WBL) untuk membangunkan kemahiran yang sesuai untuk abad ke-21, dan memanfaatkan pembangunan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan pelajar.

TEMPOH PENGAJIAN



Minimum : 3.5 Tahun
(7 Semester panjang,
2 Semester Pendek)
Maksimum : 7 Tahun
(14 Semester panjang,
4 Semester Pendek)

MOD PENGAJIAN



Mod Industri (2u2i)




JAM KREDIT






125 Jam Kredit

SYARAT KEMASUKAN





LEPASAN STPM

-  Gred C (2.00) Matematik T / Matematik M
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN MATRIKULASI

-  Gred C (2.00) Matematik
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN DIPLOMA

-  Purata Matanilai Himpunan (CPA/PNGK)
2.50
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Diploma Sains / Diploma Statistik
Diploma Sains Aktuari / Diploma Sains
Gunaan
-  Calon yang tidak memenuhi syarat
CPA/PNGK 2.50 tetapi mempunyai
pengalaman bekerja sekurang -kurangnya
2 tahun dalam bidang berkaitan

PELUANG KERJAYA


Penganalisis Data | Penganalisis Perlombongan data
Penganalisis Data Raya | Penganalisa Perniagaan dan Pemasaran
Jurutera Mesin Pembelajaran | Jurutera Data
Saintis Data | Perangkawan | Ahli Akademik | Penyelidik
Pembuat Keputusan Berasaskan Data



PROF. MADYA Dr. MOHD SAIFULLAH BIN RUSIMAN
Ketua Program

Emel : saifullah@uthm.edu.my

Terbitan Terkini



CHITOSAN AS FAT-BINDER FOR LOWERING BLOOD CHOLESTEROL LEVEL

Siti Nur Farahayu Abd Rahman, Siti Amira Othman

978-629-490-007-3

RM32.00

Chitosan is a natural polysaccharide produced by the deacetylation of chitin, a significant component of crustaceans' shells such as crabs, shrimp, lobster and crawfish. Chitosan can be modified to become hydrophobic, which means the lack of affinity to water increases hydrophobicity properties. Through hydrophobic bonds, it is claimed to have the ability to bind with neutral lipids such as cholesterol. Cholesterol is a type of fat essential for humans, but too high a cholesterol level can be dangerous. Thus, this study aims to observe the parameters that can enhance hydrophobically modified chitosan's ability to lower cholesterol levels. The monitored parameters include the concentration of chitosan, the different pH values and the type of cooking oil. Another research objective is to study the effect of gamma radiation on samples. The method used to determine how much cholesterol is entrapped by the chitosan is quantifying the entrapped oil method. In contrast, the characteristics of cooking oil droplets formed can be observed through MBI-1600X microscope, UV-visible spectroscopy, Fourier Transform Infrared Spectroscopy (FTIR) and Field Emission Scanning Electron Microscope (FESEM). Finally, the interaction between chitosan and cooking oil at those three parameters, including gamma radiations effect on samples, is determined. This book is written to suit the needs of readers who want to know more about the properties characterisation of chitosan.

[Beli Buku](#)



8 RAHSIA PRAKTIKAL CEPAT PANDAI: KUASA ILMU INI UNTUK MUDAH KUASAI ILMU LAIN

Mas Fawzi

978-967-0061-89-4

RM49.00

Kuasai ilmu ini untuk mudah kuasai ilmu lain. Apa juga matlamat awak, 8 Rahsia Praktikal Cepat Pandai ini akan membantu awak belajar dengan lebih cekap dan lebih cepat. Rahsia-rahsia ini akan membantu awak menyelesaikan masalah dalam pembelajaran, seperti kurang faham, hilang tumpuan atau fokus, lambat belajar, mudah lupa selepas belajar, kurang minat belajar, tak cukup masa untuk belajar, dan lain-lain.

Belajar bagaimana:

- memanfaatkan tempoh belajar;
- belajar secara aktif;
- ambil nota dengan lebih berkesan;
- kekalkan fokus atau tumpuan;
- motivasikan diri untuk belajar;

Terbitan Terkini

- ulangkaji yang berkesan; susun jadual belajar;
- menghayati apa yang dipelajari; belajar dengan seronok;
- ...dan banyak lagi


8 Rahsia Praktikal Cepat Pandai akan mengubah persepsi proses pembelajaran dari biasa-biasa kepada luar biasa. Ia akan bantu awak kuasai apa-apa ilmu dengan lebih cekap dan lebih cepat; bagi membantu awak mencapai apa-apa juga impian atau matlamat yang awak kehendaki.

[Beli Buku](#)

BASIC OF PLS SEM STEP BY STEP USING SMART - PLS SEM

Md. Fauzi Ahmad@Mohamad

978-967-0061-76-4



Structural Equation Modeling or SEM is a second-generation statistical analysis technique for analyzing the inter-relationships among multiple variables in a model. SEM is an extension of the general linear model (GLM) that enables a researcher to test a set of regression equations simultaneously, SEM software can examine complex relationships and models, such as confirmatory factor analysis and second-order latent variables which improves the weaknesses of ordinary least square (OLS) method. There are two ways to proceed with the structural equation modelling (SEM technique) Covariance-based SEM and PLS-SEM. The selection of the method is based on the normality of data and the type of research. PLS SEM method is used for non-normal data and exploratory research. This book provides researchers with the application of PLS SEM through empirical data focusing on quality management. Empirical data will provide a better understanding of SEM application. I believe that this book will be able to help who are in the theories of applying this technique in their research. Hopefully, this book will provide a useful reference for a better understanding of SEM which can lead to implementing successful research for students and researchers.



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



GTU2030

Global Technopreneur University 2030